

Jurnal PPM Vol. 6, 2012

PERTAMBAHAN KOLEKSI DAN PENGURUSAN RUANG SECARA BERKESAN : PENGALAMAN PERPUSTAKAAN UKM

Rohaya Umar¹ dan Abu Bakar Maidin²

¹Perpustakaan Dr. Abdul Latiff
Universiti Kebangsaan Malaysia
roha@ukm.my

²Perpustakaan Tun Seri Lanang
Universiti Kebangsaan Malaysia
abm@ukm.my

* Kertas telah dibentangkan di Seminar Kepustakawan 2011, Kota Samarahan, 14-15 November 2011

ABSTRAK

Pada umumnya, setiap tahun koleksi perpustakaan akan meningkat seiring dengan keperluan rujukan terkini dalam pendidikan dan penyelidikan di Universiti. Pertambahan koleksi akan meningkatkan penggunaan ruang. Ini menyebabkan ruang untuk pelanggan akan berkurangan. Sehubungan itu, ruang yang terdapat di perpustakaan harus diuruskan dengan berkesan agar sentiasa menepati keperluan semasa pelanggan. Kertas ini melihat status terkini berkaitan perkara ini di Perpustakaan IPTA Malaysia. Kertas ini juga secara khusus membentangkan pengalaman dan strategi yang digunakan oleh Perpustakaan UKM dalam menguruskan penggunaan ruang secara berkesan. Antara strategi yang digunakan di Perpustakaan UKM termasuklah pewujudan ruang baca 24 jam dan mewujudkan Koleksi Pilih Simpan.

ABSTRACT

Generally, every year a library's collection will increase in tandem with the university's current reference needs in education and research. An increase in collection will result in an increase in the need for space which will result in a decrease of users' space. Therefore, the space in a library has to be managed effectively to meet the users' current needs. This paper looks at the current status of space allocation in Malaysian public university libraries. It presents the experiences and strategies adopted by the UKM Library in effectively managing use of space. This includes the establishment of a 24-hour reading area and a Weeding Collection.

Pertambahan Koleksi dan Pengurusan Ruang Secara Berkesan

Keywords: Space management; Library services; Collection development; User needs; Weeding

PENDAHULUAN

Umumnya, setiap tahun perpustakaan mendapat peruntukan untuk memperolehi bahan perpustakaan sama ada dalam bentuk bercetak atau elektronik. Ini akan meningkatkan bilangan bahan dalam koleksi. Pertambahan bahan bercetak kelihatan lebih ketara dan lazimnya ruang yang terdapat di perpustakaan akan diubahsuai untuk menampung peningkatan koleksi bercetak.

Berkaitan dengan cabaran ini, pihak pengurusan perpustakaan perlu merancang secara strategik untuk menambah ruang perpustakaan bagi perkembangan koleksi dengan mengubahsuai ruang yang ada, membina ruang atau perpustakaan baru. Walau bagaimanapun, rancangan seperti ini tidak mudah untuk dilaksanakan kerana melibatkan peruntukan yang tinggi. Dalam hubungan ini, pihak perpustakaan perlu lebih kreatif dalam menghadapi cabaran ini, seperti melaksanakan proses *weeding* bahan-bahan perpustakaan.

KAJIAN LITERATUR

Para penyelidik sentiasa memikirkan inovasi ruang seperti Fraley dan Anderson (1990) yang menyatakan empat perkara utama yang memerlukan ruang perpustakaan disusun semula, iaitu:

- a) Kekurangan ruang kesan dari pertambahan koleksi
- b) Kekurangan ruang untuk pelanggan
- c) Menukar tujuan atau misi organisasi atau pelanggan perpustakaan
- d) Memperkenalkan perkhidmatan baru.

Terdapat pelbagai cara yang telah dilaksanakan oleh perpustakaan untuk mengatasi masalah kekurangan ruang. Di antaranya perpustakaan membuat proses *weeding* dan pelupusan, memindah dan mencantumkan koleksi, menyimpan dan memadatkan bahan perpustakaan. Menurut Dubicki (2008), projek *weeding* sangat penting dalam mewujudkan ruang untuk perkembangan koleksi.

Clayton dan Gorman (2001) mendefinisikan *weeding* sebagai proses mengeluarkan bahan dari rak akses terbuka dan menaksir semula nilainya. Perkataan *weeding* merupakan istilah umum termasuk penurunan dan pembuangan bahan. Bahan yang telah dikeluarkan dari rak akan dipindah dan

Rohaya Umar dan Abu Bakar Maidin

disimpan dalam bilik khas atau stor. Bahan ini masih lagi di bawah kawalan perpustakaan dan boleh dirujuk oleh pelanggan perpustakaan. Sebahagian bahan yang telah dikeluarkan dari rak boleh dilupus dari simpanan perpustakaan dan dijual.

Terdapat berbagai faedah yang boleh didapati hasil dari projek *weeding*. Menurut Dubicki (2008), faedah selepas melaksanakan projek *weeding* ialah koleksi kelihatan baru, para pelanggan mudah mencari buku dan kakitangan perpustakaan menyusun buku dengan lebih cekap.

Banyak perpustakaan di luar negara telah melaksanakan projek *weeding*. Contohnya Perpustakaan University of Colorado-Boulder telah melaksana projek ini pada awal tahun 1990an. Perpustakaan ini yang terdiri dari perpustakaan utama dan lima perpustakaan cabang mempunyai koleksi lebih dari 12 juta. Oleh kerana perpustakaan ini menghadapi masalah ruang dan sebahagian ruang telah terlebih beban maka sebanyak 325,000 naskah bahan telah dipilih dan dipindahkan ke ruang baru. Pemilihan bahan yang dipindah adalah berdasarkan bahan yang tiada atau kurang transaksi dan bahan yang teruk keadaan fizikalnya. Bahan-bahan ini telah ditukar kod lokasinya di dalam sistem perpustakaan agar ianya dapat diakses dan dimohon oleh pelanggan pada masa akan datang.

Menurut Metz dan Gray (2005), University Libraries of Virginia Tech telah melupus lebih kurang 160,000 naskah bahan dan memindahkan 270,000 naskah bahan ke tempat simpan barang. Mina Rees Library, City University of New York juga telah melaksanakan projek *weeding*. Perpustakaan ini mempunyai dasar koleksi. Seksyen XI dasar ini menyentuh tentang *weeding*; iaitu:

- a) Bagi menyimpan koleksi terkini dan mengekalkan ruang rak yang mencukupi untuk bahan baru. Bahan yang ketinggalan zaman, edisi lama, lapuk dan rosak akan dibuat *weeding*.
- b) Menggantikan bahan edisi lama dan yang rosak
- c) Bahan yang mempunyai nilai sejarah akan dikekalkan jika ianya menyokong kurikulum terkini.

Pihak pengurusan perpustakaan perlu menentukan kriteria untuk mengeluarkan bahan dari rak. Perpustakaan Monmouth University (MU) telah mengeluarkan 12,800 dari 72,500 buku dalam koleksinya. Kriteria yang digunakan ialah bahan yang tidak dipinjam dalam tempoh 20 tahun, buku-buku yang teruk keadaannya

Pertambahan Koleksi dan Pengurusan Ruang Secara Berkesan

(dapat dikesan ketika penyusunan bahan) dan buku edisi lama serta banyak naskah.

Menurut Clayton dan Gorman (2001), projek *weeding* perlu dilaksanakan kerana:

- a) Bahan dan maklumat yang ketinggalan zaman
- b) Fizikal bahan yang telah rosak dan lapuk
- c) Telah ada edisi yang baru
- d) Bahan yang sama naskah tidak diperlukan
- e) Pelanggan memerlukan perubahan
- f) Objektif institusi telah berubah
- g) Bahan yang tidak dibeli
- h) Bahan yang tidak diperlukan.

Menurut Arya, Singh dan Mishra (2009), *weeding* merupakan proses yang sukar dan mahal untuk dilaksanakan. Oleh kerana itu, Tata Institue of Fundamental Research telah menggunakan *compact shelves* untuk menyusun bahan. *compact shelves'* telah direka bentuk mengikut keperluan institusi. Hasil dari penggunaan *compact shelves*, institusi ini telah dapat menjimatkan ruang dan jumlah penggunaan ruang juga dapat dikurangkan.

Terdapat beberapa sebab kebanyakan perpustakaan tidak membuat proses *weeding*. Antaranya ialah:

- a) proses ini memakan masa yang lama dan mengganggu tugas harian kakitangan
- b) tanggapan pustakawan, jika koleksi besar menunjukkan perpustakaan baik
- c) proses ini akan mengganggu pelanggan yang membuat rujukan
- d) jika membuat proses ini kakitangan terdedah kepada kekotoran dan habuk.

METODOLOGI KAJIAN

Untuk mengetahui pengalaman perpustakaan di Malaysia berkaitan dengan pengurusan ruang, satu soal selidik ringkas telah diedarkan kepada dua puluh buah perpustakaan ahli PERPUN. Maklumat yang ditanya dalam soal selidik adalah seperti berikut:

- a) Jumlah koleksi
- b) Jumlah ruang baca

Rohaya Umar dan Abu Bakar Maidin

- c) Adakah ruang baca mencukupi
- d) Adakah perpustakaan menghadapi masalah ruang baca apabila pertambahan bilangan bahan perpustakaan
- e) Bagaimana cara mengatasi masalah tersebut
- f) Adakah perpustakaan pernah melaksanakan proses *weeding*
- g) Adakah perpustakaan mempunyai dasar berkaitan *weeding*.

Dapatan Kajian

Sebanyak sepuluh buah perpustakaan telah memberi maklum balas dari soal selidik tersebut. Perpustakaan yang telah menjawab soal selidik ini adalah:

- a) Perpustakaan Universiti Tenaga Nasional
- b) Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia
- c) Perpustakaan Universiti Kuala Lumpur
- d) Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak
- e) Perpustakaan Universiti Sultan Zainal Abidin
- f) Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM, Shah Alam
- g) Perpustakaan Universiti Malaya
- h) Perpustakaan Sultanah Zanariah, UTM, Skudai
- i) Perpustakaan Hamzah Sendut 1, USM
- j) Perpustakaan Tuanku Bainun, UPSI

Jumlah Koleksi Perpustakaan

Dari Jadual 1 terdapat lima buah perpustakaan yang mempunyai jumlah koleksi melebihi setengah juta bahan iaitu Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak, Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM, Shah Alam, Perpustakaan Sultanah Zanariah, UTM, Skudai, Perpustakaan Hamzah Sendut 1, USM dan Perpustakaan Universiti Malaya.

Jadual 1: Jumlah Koleksi Perpustakaan

Perpustakaan	Jumlah Koleksi
Perpustakaan Universiti Tenaga Nasional	115,082
Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia	70,000
Perpustakaan Universiti Kuala Lumpur	90,000
Pusat Khidmat Maklumat Akademik Universiti Malaysia Sarawak	1,489,937
Perpustakaan Universiti Sultan Zainal Abidin	128,471
Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM, Shah Alam	572,026

Pertambahan Koleksi dan Pengurusan Ruang Secara Berkesan

Perpustakaan Universiti Malaya	2 juta
Perpustakaan Sultanah Zanariah UTM, Skudai	586,807
Perpustakaan Hamzah Sendut 1, USM	935,056 (buku dan majalah berjilid)
Perpustakaan Tuanku Bainun, UPSI	270,132 (bercetak)

Ruang Baca

Dari Jadual 2, terdapat lima buah perpustakaan mempunyai ruang baca yang mencukupi untuk pelanggan iaitu Perpustakaan Universiti Tenaga Nasional, Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia, Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak, Perpustakaan Sultanah Zanariah, UTM, Skudai dan Perpustakaan Tuanku Bainun, UPSI. Kebanyakan perpustakaan ini mempunyai bangunan baru dan bilangan koleksi bahan bercetak yang kecil.

Jadual 2: Jumlah Ruang Baca dan Ruang Baca Mencukupi

Perpustakaan	Jumlah Ruang Baca	Ruang Baca Mencukupi
Perpustakaan Universiti Tenaga Nasional	1,100 orang	Ya
Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia	10,000 meter persegi	Ya
Perpustakaan Universiti Kuala Lumpur	922 meter persegi	Tidak
Pusat Khidmat Maklumat Akademik Universiti Malaysia Sarawak	14 ruang	Ya
Perpustakaan Universiti Sultan Zainal Abidin	4 ruang	Tidak
Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM, Shah Alam	2,433 tempat duduk	Tidak
Perpustakaan Universiti Malaya	38,817.9 meter persegi	Tidak
Perpustakaan Sultanah Zanariah UTM, Skudai	3,422 tempat duduk	Ya
Perpustakaan Hamzah Sendut 1 USM	769 tempat duduk	Tidak
Perpustakaan Tuanku Bainun UPSI	1,300 tempat duduk	Ya

Masalah Ruang Baca

Dari Jadual 3, terdapat beberapa cara yang dilaksanakan oleh perpustakaan yang menghadapi masalah dengan ruang baca. Antaranya:

- a. Membuat pelupusan buku lama
- b. Memperolehi banyak bahan dalam bentuk dalam talian
- c. Menyimpan bahan dalam kompektus
- d. Membina bangunan baru
- e. Mengagih bahan ke perpustakaan cawangan
- f. Buku lama dikeluarkan dari rak dan disimpan di rak khas
- g. Mengurangkan ruang baca.

Jadual 3: Masalah Dengan Ruang Baca dan Cara Mengatasinya

Perpustakaan	Masalah Ruang Baca	Cara Mengatasi Masalah
Perpustakaan Universiti Tenaga Nasional	Tidak	-
Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia	Tidak	-
Perpustakaan Universiti Kuala Lumpur	Ya	<ol style="list-style-type: none"> a. Membeli lebih banyak e-book b. Melupus buku-buku lama /edisi lama
Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak	Tidak	-
Perpustakaan Universiti Sultan Zainal Abidin	Ya	<ol style="list-style-type: none"> a. Bangunan tambahan dijangka siap pada akhir 2011 dan boleh menempatkan lebih 500 tempat duduk b. Memperbanyakkan bahan baca secara <i>online</i> c. Dalam proses meminjamkan Ipad dan laptop kepada pelajar bagi mengakses maklumat di dalam bangunan perpustakaan
Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM, Shah Alam	Ya	<ol style="list-style-type: none"> a. Membuat pelupusan b. Mengagih bahan kepada

Pertambahan Koleksi dan Pengurusan Ruang Secara Berkesan

		Perpustakaan UiTM cawangan yang memerlukan
Perpustakaan Universiti Malaya	Ya	Menggunakan kompektus
Perpustakaan Sultanah Zanariah UTM, Skudai	Tidak	-
Perpustakaan Hamzah Sendut 1 USM	Ya	Buku-buku yang tidak digunakan selama 10 tahun dikeluarkan dari rak dan diletakkan di Rak Padat. Buku tersebut masih lagi boleh digunakan oleh pelajar dengan bantuan staf di bahagian sirkulasi
Perpustakaan Tuanku Bainun UPSI	Ya	Mengurangkan ruang baca atau melaksana pilih buang bahan

Pelaksanaan Proses Weeding dan Dasar Weeding

Berdasarkan Jadual 4, terdapat lima perpustakaan yang pernah melaksanakan proses *weeding* iaitu Perpustakaan Universiti Kuala Lumpur, Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM, Shah Alam, Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Hamzah Sendut 1, USM dan Perpustakaan Tuanku Bainun, UPSI.

Di samping itu tidak semua perpustakaan mempunyai dasar berkaitan *weeding*. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dan Perpustakaan Tuanku Bainun, UPSI sahaja yang mempunyai dasar ‘weeding’ yang telah lengkap. Manakala Perpustakaan Universiti Sultan Zainal Abidin dan Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM, Shah Alam masih lagi dalam peringkat cadangan. Perpustakaan Universiti Malaya pula hanya mempunyai garis panduan. Dasar *weeding* menyenaraikan kriteria bahan pilih buang dan dilupuskan serta kaedah atau cara pelupusan dilaksanakan.

Rohaya Umar dan Abu Bakar Maidin

Jadual 4 : Pelaksanaan Proses ‘Weeding’ dan Dasar ‘Weeding’

Perpustakaan	Pernah Melaksanakan Proses Weeding	Mempunyai Dasar Weeding
Perpustakaan Universiti Tenaga Nasional	Tidak	Tidak
Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia	Tidak	Tidak
Perpustakaan Universiti Kuala Lumpur	Ya	Tidak
Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak	Tidak	Ya
Perpustakaan Universiti Sultan Zainal Abidin	Tidak	Ya - Dalam peringkat cadangan
Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM, Shah Alam	Ya	Ya - Dalam peringkat cadangan
Perpustakaan Universiti Malaya	Ya	Ya - Garis Panduan
Perpustakaan Sultanah Zanariah UTM, Skudai	Tidak	Tidak
Perpustakaan Hamzah Sendut 1 USM	Ya	Tidak
Perpustakaan Tuanku Bainun UPSI	Ya	Ya

Pengurusan Ruang di Perpustakaan UKM

Perpustakaan UKM ditubuhkan pada tahun 1970 di Lembah Pantai, Kuala Lumpur. Perpustakaan Tun Seri Lanang merupakan perpustakaan induk yang terletak di Bangi, Selangor. Di samping itu Perpustakaan UKM mempunyai empat buah perpustakaan cabang yang terdiri dari Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu (Bangi), Perpustakaan Undang-Undang (Bangi), Perpustakaan Dr. Abdul Latiff (Kuala Lumpur) dan Perpustakaan Pusat Perubatan UKM (Cheras).

Sepertimana perpustakaan lain, jumlah koleksi Perpustakaan UKM bertambah lebih kurang 17,000 naskah bahan setiap tahun. Sehingga Disember 2010, Perpustakaan UKM mempunyai koleksi sebanyak 1,933,021 bahan (1,070,992 bahan bercetak, 502,961 buku elektronik, 21,541 jurnal elektronik dan 397,527 bahan media). Manakala ruang baca yang yang disediakan oleh Perpustakaan

Pertambahan Koleksi dan Pengurusan Ruang Secara Berkesan

UKM adalah sebanyak 2,575 (PTSL – 1,633, PDAL – 400, PPPUKM – 192, PUU – 300 dan PATMA – 50).

Perpustakaan UKM juga mengalami masalah ruang kesan pertambahan bahan bercetak dan media perpustakaan. Strategi ad-hoc menampung bahan-bahan yang baru diterima adalah dengan memasang rak-rak baru di ruang baca pelanggan perpustakaan. Ini akan menyebabkan ruang baca semakin berkurangan.

Strategi-strategi yang telah dilaksanakan oleh Perpustakaan UKM bagi mengatasi masalah pertembahan bahan dalam koleksi adalah seperti berikut:

1. Membina ruang tambahan perpustakaan

Pada tahun 2004, Perpustakaan Tun Seri Lanang telah membina ruang tambahan di aras 6 perpustakaan. Ruang tambahan ini berkeluasan 6000 kaki persegi. Ruang baru ini telah menempatkan bahagian teknikal perpustakaan yang terdiri dari bahagian perolehan, katalog dan sistem. Ruang teknikal yang lama telah menempatkan pejabat, ruang baca dan Koleksi Arab dan Tamadun Islam. Dengan pertambahan aras ini, ruang koleksi am dan ruang baca di Aras 5 perpustakaan semakin luas.

2. Mewujudkan Ruang Baca 24 jam

Pada tahun 2002, Perpustakaan Tun Seri Lanang (PTSL) mewujudkan ruang baca di Dataran PTS defense yang sebelum ini kosong. Ruang yang berjaya menampung sebanyak 90 pelanggan ini boleh digunakan oleh pelanggan perpustakaan sehingga jam 12 malam. Bagi menceriakan ruang ini, pihak perpustakaan telah mengubahsuai siling dan pencahayaan di ruang baca tersebut.

Pada tahun 2007, pihak perpustakaan telah memohon agar ruang ini dijadikan Ruang Baca 24 jam untuk memudahkan pelanggan mengulangkaji selepas pukul 12 malam. Ini selaras dengan gaya penggunaan ruang baca para pelajar yang mentelaah sehingga lewat malam dan pagi, dan juga trend yang terdapat di kebanyakan perpustakaan dunia. Permohonan ini telah diluluskan oleh pengurusan universiti dan penggunaannya bermula tahun 2008.

Ruang Baca 24 jam ini disediakan dengan pelbagai kemudahan seperti ‘plug point’, air minuman, kemudahan WiFi dan CCTV. Selain kerusi dan meja, pihak perpustakaan juga menyediakan pangkin di tepi dinding dataran.

Rohaya Umar dan Abu Bakar Maidin

Pelanggan boleh duduk dengan santai sambil mengakses internet di pangkincing tersebut.

Pada tahun 2007 juga, syarikat Samsung telah memberi sumbangan dengan membina bilik bercermin di Dataran PTS'L. Di dalam bilik ini terdapat 2 buah bilik perbincangan, 12 buah kubikel yang disertakan dengan ‘plug point’ di setiap meja, ruang menonton TV dan ruang pameran. Bilik ini juga telah dipasang alat penghawa dingin dan pelanggan juga boleh mengakses internet melalui WiFi di bilik ini. Bilik yang diberi nama Anjung Ilmu PTS'L telah dirasmikan pada 18 April 2008 oleh Pengurus Lembaga Pengurusan Universiti, YBhg. Tan Sri Dato' Dr. Mazlan Ahmad. Pada tahun 2009, Anjung Ilmu PTS'L juga telah dibuka 24 jam.

Pada tahun 2010 Perpustakaan Pusat Perubatan UKM pula telah mewujudkan ruang baca 24 jam. Ruang yang terletak di hadapan pintu masuk perpustakaan boleh memuatkan 56 orang pelanggan perpustakaan. Pihak perpustakaan telah mengubahsuai ruang ini di mana ruang ini telah ditutup dan dipasang alat penghawa dingin. Di samping itu perpustakaan juga menyediakan kemudahan WiFi, *plug point* dan air minuman di ruang ini.

3. Melaksanakan Proses Weeding

Tujuan Perpustakaan UKM melaksanakan proses *weeding* adalah untuk menampung keperluan ruang buku-buku baharu dan juga mengemaskini koleksi dengan mengeluarkan buku-buku lama yang amat kurang digunakan. Pelanggan-pelangan perpustakaan juga membuat aduan koleksi perpustakaan mengandungi banyak buku-buku yang lama dan kurang buku baru. Perkara ini berlaku kerana di koleksi terdapat banyak buku-buku lama dan buku-buku baru terselit antaranya, mengakibatkan buku baru tidak kelihatan.

Perpustakaan Tun Seri Lanang mula melaksanakan projek *weeding* pada tahun 2001. Proses *weeding* dibuat berdasarkan garis panduan yang telah dipersetujui oleh pengurusan perpustakaan. Kriteria pemilihan buku adalah seperti berikut:

- a) Buku-buku yang tidak dipinjam selama dua puluh (20) tahun keatas
- b) Buku terbitan sebelum tahun 1960 bagi bidang sains dan teknologi
- c) Buku yang lebih tiga naskah dan tidak dipinjam selama lima tahun kesemuanya atau kekerapan pinjaman buku-buku berkenaan tidak

Pertambahan Koleksi dan Pengurusan Ruang Secara Berkesan

menunjukkan keperluan beberapa naskah di rak. Keluarkan naskah ke empat dan ke atas.

Projek ini dilaksanakan oleh pustakawan pada waktu pembacaan rak dari pukul 8 hingga 9 pagi. Buku-buku yang telah dikeluarkan dari rak ditukar lokasinya dari am kepada pilih simpan dalam sistem perpustakaan dan disimpan dalam sebuah bilik. Oleh kerana bilik tersebut tidak mencukupi untuk menyimpan buku yang telah dikeluarkan dari rak maka projek *weeding* terpaksa diberhentikan.

Pada tahun 2007, projek *weeding* telah dilaksanakan semula di Koleksi Am pada waktu cuti semester. Semua kakitangan yang membuat penyusunan buku telah mengeluarkan buku-buku mengikut garis panduan yang sama. Pustakawan telah menyemak buku-buku tersebut terlebih dahulu sebelum lokasinya ditukar dalam sistem perpustakaan dan disimpan dalam rak khas. Buku-buku ini telah dikenali sebagai buku pilih simpan. Pelanggan tidak dibenarkan masuk ke rak tersebut. Jika pelanggan ingin merujuk buku pilih simpan, mereka perlu memohon kepada kakitangan yang bertugas di kaunter Bahagian Perkhidmatan Pelanggan. Buku tersebut masih boleh dipinjam seperti buku am. Walau bagaimanapun setelah buku tersebut dipulangkan oleh pelanggan, ia akan disimpan semula di rak pilih simpan.

Pada tahun 2008, projek *weeding* telah dilaksanakan di Koleksi Arab dan Tamadun Islam dan pada tahun 2010, proses *weeding* dilaksanakan pula di Koleksi Rujukan. Sebanyak 235 judul bahan rujukan telah dikeluarkan dari rak. Kriteria pemilihan buku rujukan yang dikeluarkan dari rak adalah indeks dan abstrak yang telah terdapat dalam bentuk dalam talian dan bahan rujukan yang diterbitkan sebelum tahun 1990an.

Di Perpustakaan Tun Seri Lanang terdapat lebih kurang 56,658 naskah buku pilih simpan. Pada tahun 2009, pihak pengurusan perpustakaan telah memohon Jabatan Pengurusan Pembangunan membina dan mengubahsuai dua buah bilik di aras 1 dan 2 perpustakaan untuk menyimpan buku-buku pilih simpan. Saiz bilik di aras 1 ialah 24.3m x 16.2m manakala bilik di aras 2 berukuran 25.2m x 8.1m. Di samping itu pihak perpustakaan juga telah membeli tiga set kompaktus. Kompaktus tersebut telah diubahsuai spesifikasinya mengikut kehendak perpustakaan contohnya lebar rak dalam kompaktus telah dikecilkkan mengikut kesesuaian susunan buku.

Rohaya Umar dan Abu Bakar Maidin

Buku-buku pilih simpan telah disusun mengikut nombor panggilan. Apabila memikir jangka panjang perkembangan koleksi pilih simpan, pihak perpustakaan bersetuju untuk menampal barkod khas di setiap buku tersebut. Nombor barkod telah dimasukkan dalam sistem perpustakaan iaitu di sebelah nombor panggilan dan di ruang nombor EPN di skrin item. Nombor barkod ini boleh dibuat pencarian dalam OPAC. Kini buku-buku pilih simpan telah disusun mengikut turutan nombor barkod secara padat di kompaktus atau rak. Tujuan penyusunan buku mengikut nombor barkod supaya pihak perpustakaan tidak perlu membuat anjakan buku apabila projek *weeding* dilaksanakan lagi pada masa akan datang.

Bahagian Jurnal Perpustakaan Tun Seri Lanang juga telah melaksanakan proses *weeding* pada jurnal yang mempunyai banyak naskah. Sekarang terdapat 2,800 naskah jurnal pilih simpan yang disimpan dalam kompaktus.

Perpustakaan Dr. Abdul Latiff juga telah mengeluarkan 1,638 buku lama dari rak Koleksi Am. Buku-buku yang dikenali sebagai buku kebelakangan ini telah disimpan dalam bilik khas. Lokasi buku dalam sistem perpustakaan juga telah ditukar untuk kemudahan pelanggan dan kakitangan perpustakaan.

Perpustakaan Pusat Perubatan UKM pula melaksanakan proses *weeding* pada bulan Julai 2010 sehingga Julai 2011. Sebanyak 4,578 naskah buku dan 11,293

naskah jurnal bercetak telah dikeluarkan dari rak dan disimpan dalam satu bilik khas. Proses *weeding* dilaksanakan kerana ruang di perpustakaan tidak lagi mencukupi untuk menampung buku-buku baru. Perpustakaan Pusat Perubatan UKM tidak lagi melanggan jurnal bercetak. Semua jurnal yang dilanggan adalah dalam bentuk elektronik.

Perpustakaan UKM pernah melaksanakan proses pelupusan di Koleksi Arab dan Tamadun Islam. Sebanyak 419 judul buku telah dilupuskan kerana buku telah rosak teruk dan tidak lagi boleh dibaiki atau dijilid semula. Cara pelupusan dilaksanakan adalah seperti berikut:

- a) Menyenaraikan judul bahan yang dilupuskan mengikut format pelupusan
- b) Senarai diserah kepada Jawatankuasa Pelupusan untuk kelulusan
- c) Setelah mendapat kelulusan bahan dilupuskan.
- d) Rekod bahan dalam sistem perpustakaan dikemaskini.

Pertambahan Koleksi dan Pengurusan Ruang Secara Berkesan

Oleh kerana buku yang dilupuskan ini adalah buku dari Koleksi Arab dan Tamadun Islam, maka buku-buku ini telah dihantar ke Pusat Pelupusan Qur'an di Cheras.

Setelah buku lama dikeluarkan, rak semakin lapang. Projek anjakan buku telah dilaksanakan agar pengisian buku di setiap rak seimbang. Di samping itu buku-buku yang baru diperolehi boleh disusun di rak tersebut. Pihak perpustakaan juga tidak perlu membeli atau menambah rak baru. Sebahagian rak kosong telah dimasukkan dalam bilik pilih simpan untuk menempatkan buku-buku pilih simpan. Sehubungan itu terdapat ruang kosong dan pihak perpustakaan telah menambah ruang baca.

KESIMPULAN

Sebagai sebuah perpustakaan universiti, perpustakaan perlu membangunkan koleksi agar sentiasa terkini dan menepati keperluan pelanggan. Perpustakaan juga perlu mempunyai strategi-strategi terancang bagi menangani cabaran keperluan ruang kesan dari peningkatan koleksi dan harapan pelanggan kepada perpustakaan agar sentiasa mempunyai koleksi yang terkini.

Antara strategi yang berkesan bagi menangani masalah keperluan ruang adalah dengan melaksanakan proses ‘weeding’ yang mana bahan-bahan yang lama dan amat kurang digunakan disimpan di koleksi atau bilik khas. Walaupun proses ini memakan masa lama tetapi banyak faedah yang boleh didapati oleh perpustakaan mahupun pelanggan. Perpustakaan dapat menggunakan ruang dengan berkesan. Di samping itu pelanggan berpuas hati dengan koleksi perpustakaan di mana buku baru lebih terselar dan pelanggan lebih mudah mencari bahan yang diperlukan. Bagi kakitangan perpustakaan pula, mereka lebih mudah menyusun bahan di rak kerana jumlahnya telah berkurangan.

RUJUKAN

- Arya, Harsh, P. Singh and J.K. Mishra. 2009. Space management in TIFR library : a case study. *Annals of Library and Informations Studies*, 56: 291-297.
- Brophy, Peter. 2000. *The Academic Library*. London : Library Association Publishing.

Rohaya Umar dan Abu Bakar Maidin

- Clayton, Peter and G.E. Gorman. 2001. *Managing Information Resources in Library : Collection Management in Theory and Practice*. London : Library Association Publishing.
- Dubicki, Eleonora 2008. Weeding : facing the fears. *Collection Building*, 27(4): 132-135.
- Fraley, R.A. and C.L. Anderson. 1990. *Library Space Planning : A How-To-Do-It Manual for Assessing, Allocating and Reorganizing Collections, Resources And Facilities*. New York : Neal-Schuman Publishers.
- Jenkins, Clare and M. Morley. (Eds.). 1999. *Collection Management in Academic Libraries*. 2nd ed. Aldershot : Gower.
- Metz, Paul and c. Gray. 2005. Perspective on public relations and library weeding. *The Journal of Academic Librarianship*. 31(3): 273-279.
- Slote, Stanley J. 1997. *Weeding Library Collections : Library Weeding Methods* 4th ed. Englewood : Libraries Unlimited.